

PEMURIDAN : BERBELAS KASIHAN SEPERTI BAPA

FEBRUARI 2016 : Menginginkan belas kasihan, bukan mengorbankan.

Lagu Pembukaan -

Doa Pembukaan – Marilah salah seorang daripada kita menjemput Kristus hadir di tengah – tengah kita.

Kehidupan Kita

Merican adalah seorang Katolik yang soleh dan sangat aktif di dalam beberapa pelayanan di Paroki. Apabila dia tidak sibuk , dia akan menghabiskan masa di gereja kerana dia memegang banyak jawatan penting di parokinya. Dia sangat di gemari oleh sebuah kumpulan yang terdiri dari umat-umat yang juga merupakan kawan-kawan di sekelilingnya. Kerana komitmen yang berat , dia meluangkan masa yang sangat sedikit bersama dengan ahli keluarganya . Anak-anaknya kurang mendapat peluang bercakap dengannya . Akibat tekanan di tempat kerjanya, dia sering marah hanya kerana perkara kecil dan hingga timbul sampai ke rumah. Pernah dia menjadi ganas terhadap isteri dan anak-anaknya. Di pejabatnya , dia tiada masa untuk menjaga rakan-rakan sekerjanya yang memerlukan bantuan. Pernah sekali seorang pekerja asing yang memecahkan cawan yang di belinya dari sebuah kedai mewah . Dia menjadi berang . Dan dia meminta supaya pekerja asing itu membayar ganti rugi. Merican memiliki sedikit kawan , demikian juga di gereja kerana dia percaya bahawa dia hanya perlu untuk mengorbankan masanya demi melayani Tuhan.

1. Daripada cerita di atas, apakah menurut anda Merican bermasalah dalam memahami kata “ Pengorbanan ?” Jika demikian , menurut anda apakah maksud daripada kata pengorbanan itu ?
2. Tanpa perlu menghakimi, dapatkan anda fikirkan contoh kehidupan lain seperti Merican?

Listen to God

Markus 12: 28-34 Perintah yang Terutama

Di situ ada seorang guru Taurat yang mendengar perbincangan mereka. Dia melihat bahawa Yesus telah menjawab soalan orang Saduki dengan baik. Oleh itu dia bertanya kepada Yesus, “Perintah manakah yang paling utama di antara semua perintah?” Yesus menjawab, “ Inilah perintah yang paling utama, ‘ Dengarlah , hai bangsa Israel! Tuhan Allah kita, Dialah Tuhan Yang Esa.’ Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan seluruh akalmu, dan dengan segala kekuatanmu.’ Perintah yang kedua ialah, ‘Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri.’ Tiada lagi perintah lain yang lebih utama daripada kedua-dua perintah ini .” Guru Taurat itu berkata kepada Yesus, “Bagus , guru! Memang benar apa yang guru katakan : Tuhanlah Allah Yang Esa dan tidak ada yang lain. Manusia harus mengasihi Allah dengan sepuh hati , dengan seluruh akal, dan dengan segala kekuatannya. Dia juga harus mengasihi sesama manusia seperti dia mengasihi diri sendiri. Mematuhi kedua-dua perintah ini lebih mustahak daripada mempersembahkan korban untuk menyenangkan hati Tuhan dan korban-korban lain.” Yesus melihat bahawa guru Taurat itu menjawab dengan bijak . Lalu Yesus berkata kepadanya, “ Kamu tidak jauh daripada Pemerintahan Allah .” Selepas itu tidak seorangpun berani mengajukan pertanyaan kepada Yesus.

Refleksi

- Ciptakan masa hening untuk seminit dan membolehkan Tuhan untuk bercakap denganmu .
- Kutip sebuah kata atau ayat-ayat pendek dari bacaan diatas dan ucapkan berulang kali sebanyak tiga kali.
- Kongsikan dengan sesama , Sabda atau ayat yang telah menyentuh anda dan mengapa ?

Hidup dalam Kasih

Pada tahun Kerahiman , bagaimana saya dapat membolehkan Tuhan agar saya dapat melewati sebuah Pintu Kudus bagi orang-orang di sekeliling saya , supaya melalui saya orang lain dapat mengalami belas kasihan Tuhan yang lembut ?

Doa Penutup – Semua orang yang hadir di jemput untuk berdoa. Mengakhiri perhimpunan dengan berdoa ‘Doa Bapa Kami’ .

Lagu Penutup